

**BENGKEL
PENGURUSAN
KERAJAAN,
KONTRAK, ASET, STOR DAN
KEWANGAN, JABATAN
PENDIDIKAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN DAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEKOLAH-SEKOLAH WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN
2023**



Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah melaksanakan Bengkel Pengukuhan Pengurusan Perolehan Kerajaan, Pengurusan Kontrak, Aset, Stor dan Kewangan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Sekolah-Sekolah Wilayah

Persekutuan Labuan Tahun 2023 yang telah berlangsung pada 29 Oktober sehingga 31 Oktober 2023 bertempat di Sky Hotel, Kota Kinabalu.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memastikan semua prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa dan telah ditetapkan oleh kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi oleh Jabatan dan sekolah-sekolah WP Labuan dan mengelakkan teguran Audit Negara Malaysia (ANM), Audit Dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Naziran Audit, Jabatan Akautan Negara Malaysia (JANM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Seramai 40 peserta telah menghadiri bengkel ini. Penceramah bagi bengkel ini ialah encik Kasim bin Muhd, Perunding Latihan Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara telah dipilih bagi memberikan input berkaitan topik yang dibincangkan kerana beliau berpengalaman dalam bidang Pengurusan Perolehan Kerajaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kewangan Kerajaan. Sesi bengkel ini berlangsung dengan pelbagai kajian kes yang dikongsikan bersama peserta, latihan dalam kumpulan (LDK), soal jawab berserta kuiz dan pembentangan daripada peserta bengkel yang menguji kefahaman peserta bengkel.









